



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

☐ Menu[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#)

Bernama - COVID-19: Lim Jumpa Pemain Industri Bincang Impak
Ekonomi

☐ Ahad, Feb 16 2020☐ ☐

BUTTERWORTH, 16 FEB -Menteri Kewangan Lim Guan Eng telah mengadakan pertemuan dan sesi dialog dengan pemain industri terutamanya yang terjejas akibat COVID-19 untuk mendapatkan maklum balas impak ekonomi terhadap perniagaan mereka.

Lim, yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata pertemuan itu diadakan secara tertutup dan pihak industri boleh memberikan pendapat mereka untuk pakej rangsangan ekonomi yang akan diumumkan oleh Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada 27 Feb ini.

"Terdapat pelbagai langkah...Saya tidak akan memberikan butirannya jika tidak, tidak ada maknanya membuat pengumuman rasmi pada 27

Februari ini. Sila tunggu Perdana Menteri membuat pengumuman penuh dan lengkap.

"Tetapi kami bersedia untuk menerima sebarang cadangan. Seperti yang saya katakan, saya akan mengadakan sesi dialog dengan beberapa industri tetapi sesi itu tertutup," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Restoran McDonald's pandu lalu Bagan Ajam di sini hari ini.

Turut hadir Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempatan McDonald's Malaysia Azmir Jaafar.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tentang pakej rangsangan ekonomi yang bakal diumumkan oleh Dr Mahathir pada akhir bulan ini. Lim sebelum ini berkata pakej rangsangan ekonomi tersebut bukanlah belanjawan baharu mahupun sebahagian daripada dasar-dasar Belanjawan 2020 tetapi merupakan bantuan kepada industri yang terjejas.

Sementara itu, Lim berkata inisiatif #MalaysiaKerja (Malaysians@Work) yang bertujuan mewujudkan peluang pekerjaan kepada mereka yang menganggur akan dilaksanakan mulai April ini. Beliau berkata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) diberi tanggungjawab penuh untuk menguruskan agihan peruntukan sebanyak RM6.5 bilion untuk menjayakan program itu.

Katanya menerusi inisiatif tersebut sebanyak 350,000 peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia dapat diwujudkan sepanjang tempoh lima tahun akan datang.

"Kerajaan mahu mewujudkan atau menjana peluang pekerjaan kepada mereka yang telah lama menganggur dan program #Malaysiakerja itu akan dibuka pendaftaran pada April ini.


☐ BISNES

☐ AGENSI

☐ WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan <
Atas Talian



Aplikasi Mudah
Alih

Laman <
Mikro

e-Penyertaan <
&
Maklumbalas



Statistik & <
Prestasi

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian
Kewangan
Malaysia

"Insentif yang akan diberikan ialah RM500 setiap pekerja kepada mereka yang telah lama menganggur supaya lebih bermotivasi manakala majikan sebanyak RM300 sebulan untuk menggalakkan mereka mengambil pekerja tempatan," katanya.

Sementara itu, Azmir berkata McDonald's menyasarkan untuk meluaskan rangkaian restorannya kepada 450 buah menjelang 2025 dengan pelaburan sebanyak RM1.4 bilion dan mewujudkan 10,000 peluang pekerjaan baharu di Malaysia.

Beliau berkata pada masa ini, terdapat sebanyak 290 buah Restoran McDonald's dengan 15,000 pekerja di seluruh negara.

"Kami juga komited ke arah mewujudkan impak positif kepada masyarakat dengan menawarkan pelbagai program komuniti dan program pembangunan bakat McDonald's untuk membantu masyarakat sekeliling serta membangunkan sumber manusia," katanya, sambil menambah terdapat sebanyak 24 buah Restoran McDonald's di Pulau Pinang.

Restoran McDonald's ke-24 di Pulau Pinang itu merupakan yang terbesar di bahagian Seberang Perai dan beroperasi 24 jam sehari dengan 80 pekerja terdiri daripada penduduk tempatan.

-- BERNAMA

No. 5 Persiaran
Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan
Persekutuan,
62592 WP
PUTRAJAYA

☐ 03-8000 8000
☐ 03-88823893 /
03-88823894



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)
Hakcipta Terpelihara © 2020 Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Kemaskini terakhir: **18 Mac 2021** | Jumlah Pelawat: **27637216**

KONSOL DEBUG JOOMLA!

Sesi**Maklumat Profil****Penggunaan Memori****Pertanyaan Pangkalan data**